

PENGENALAN ASAS PELABURAN

NOR ASHIKIN BTE. HJ. ISMAIL
KAJIAN PERAKAUNAN

ABSTRAK

Pengenalan asas pelaburan menyenaraikan berbagai bentuk peluang pelaburan yang ada. Penerangan secara ringkas mengenai saham sebagai salah satu pilihan pelaburan dan beberapa perkara utama yang perlu diberi perhatian sebelum melaburkan wang tunai dipasaran saham kemudiannya dibincangkan.

PENDAHULUAN

Tahun 1990 merupakan tahun yang paling hangat diperkatakan terutama dikalangan masyarakat Melayu mengenai pelaburan SKIM CEPAT KAYA. Skim jenis ini dikatakan dapat memberi pulangan yang tinggi yang belum pernah diberikan oleh mana-mana institusi kewangan atau lain-lain bentuk pelaburan. Sehingga awal tahun 1991 ramai yang mungkin dah menjadi kaya sejak menyertai skim yang berkenaan dan tidak kurang juga yang menjadi mangsa gara-gara ingin cepat kaya. Scenario ini menunjukkan ramai orang Melayu yang mempunyai lebih tunai dan berminat untuk melabur. Persoalannya? Apakah pelaburan yang dipilih itu akan dapat menambahkan kekayaan atau meleburkan terus harta yang ada.

BENTUK-BENTUK PELABURAN

Apabila kita mempunyai lebih tunai, kita mungkin berminat untuk melaburkan wang tersebut supaya kita mendapat pertambahan harta kita itu. Berbagai bentuk pelaburan yang umumnya diketahui ialah:

BENTUK PELABURAN	PULANGAN YANG DIJANGKAKAN
a) Pasaran wang iaitu deposit yang disimpan di bank dan lain-lain institusi kewangan.	Pendapatan dari faedah.
b) Harta benda seperti bangunan kedai, rumah dan lain-lain.	Pendapatan dari sewa dan kenaikan nilai harta.
c) Emas	Kenaikan nilai harga.
d) Pasaran saham.	Pendapatan dividen dan keuntungan modal.

APAKAH ITU SAHAM

Saham adalah sekuriti yang mewakili sebahagian dari modal pemilik dalam satu perniagaan atau sesebuah syarikat. Pada asasnya terdapat dua jenis saham iaitu saham biasa dan saham terutama (ordinary share and preference share).

Saham terutama adalah saham yang memberikan keutamaan hak ke atas dividen dan pembayaran balik modal jika syarikat berhenti dari beroperasi. Saham jenis ini menawarkan sejumlah dividen yang tetap kepada pemegang saham mengikut kadar peratusan atas nilai tara saham.

Saham biasa adalah jenis saham yang mewakili modal pemilik bagi sebahagian besar perniagaan. Pemegang saham biasa akan hanya dibayar dividen jika syarikat membuat keuntungan dan selepas pembayaran dividen dibuat kepada pemegang saham terutama (jika ada). Kadar dividen yang dibayar kepada pemegang saham biasa adalah tidak tetap dan bergantung kepada keputusan lembaga pengarah.

MELABUR DALAM PASARAN SAHAM

Sebelum seseorang itu mula melaburkan wang mereka didalam pasaran saham, adalah beberapa perkara utama yang perlu diketahui dan diberi perhatian:

- a) Keupayaan tunai
- b) Pengetahuan tentang sesuatu saham dan pasaran saham
- c) Broker yang dapat mengawasi dan menilai pelaburan anda.

(a) KEUPAYAAN TUNAI

Pelaburan didalam pasaran saham memerlukan wang tunai. Oleh yang demikian sikap terburu-buru untuk melaburkan keseluruhan tunai yang ada didalam pasaran saham adalah perlu dielakkan. Setiap pelaburan yang dibuat hendaklah diberi perhatian yang serius dan penelitian rapi.

(b) PENGETAHUAN TENTANG SAHAM DAN PASARAN

Berbekalkan pengetahuan mengenai pasaran saham dan maklumat yang lengkap tentang saham-saham yang disenaraikan dipasaran saham, pelaburan akan menjadi mudah dan menguntungkan. Saham-saham yang diperdagangkan dapat dijeniskan kepada beberapa jenis seperti berikut:

- Saham Industri
- Saham Kewangan
- Saham Perhotelan
- Saham Hartanah
- Sektor Komoditi dan lain-lain.

Saham-saham yang sesuai untuk pelaburan perlulah dikenalpasti dan diawasi pergerakan serta arah pasarnya. Sebagai pelabur atau bakal pelabur kita boleh memilih jenis-jenis saham untuk pelaburan dengan berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:

1) Keuntungan sebelum dan selepas cukai.

Keuntungan sebelum dan selepas cukai adalah satu dari kaedah yang boleh digunakan untuk mengukur pencapaian syarikat. Peratusan keuntungan syarikat yang semakin meningkat dari tahun ketahun menunjukkan prestasi yang semakin meningkat.

2) Nisbah harga/laba (price earning ratio)

Nisbah ini menunjukkan bilangan tahun yang diambil untuk mendapatkan pulangan bagi harga yang dibayar untuk sesuatu saham. Ianya dikira dengan membahagikan harga pasaran sesuatu saham dengan pulangan sesaham.

$$\text{Nisbah harga/laba} = \frac{\text{Harga pasaran sesaham (price)}}{\text{pulangan sesaham (earning)}}$$

Pada umumnya lebih rendah nisbah harga/laba adalah lebih baik.

3) Hasil dividen (dividend yield)

Nisbah ini menunjukkan pulangan semasa yang diperolehi dalam bentuk dividen hasil dari pelaburan didalam saham. Ianya dikira seperti berikut:

$$\text{Hasil dividen} = \frac{\text{Dividen sesaham}}{\text{Harga pasaran sesaham}}$$

Dalam membuat perbandingan, saham yang memberikan hasil dividen yang tinggi adalah lebih baik.

4) Aset ketara bersih

Aset ketara bersih adalah perbezaan diantara jumlah aset semasa dengan jumlah liabiliti semasa. Lebih hampir nilai aset ketara bersih sesaham kepada harga saham yang ditawarkan adalah lebih baik.

5) Prospek pertumbuhan

Setelah mengenalpasti syarikat-syarikat yang berpotensi untuk pelaburan berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah disebutkan kita hendaklah juga memastikan bahawa syarikat-syarikat itu juga berpotensi untuk bertumbuh dan berkembang. Oleh yang demikian penekanan hendaklah diberikan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai kumpulan pengurusan yang baik, tidak mempunyai masalah samada dari segi pasaran atau lain-lain malah sentiasa menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan.

(c) BROKER YANG MENGAWAL DAN MENILAI PELABURAN.

(1) Bursa saham Kuala Lumpur

Bursa saham adalah tempat yang menjadi pasaran bagi membolehkan pembeli dan penjual mengendalikan urusan niaga saham dan pelbagai jenis sekuriti syarikat. Bursa saham ini adalah diawasi oleh Akta Industri Sekuriti, 1983 dan Akta Syarikat 1965, manakala Kementerian Kewangan adalah bertanggungjawab untuk mengawasi keseluruhan industri sekuriti.

(2) Broker saham

Broker saham adalah merupakan penghubung kepada bursa saham. Ianya merupakan agen yang dibenarkan mengikut undang-undang untuk menjual dan membeli saham bagi pihak pelanggan. Sebelum segala urusan dengan broker saham dapat dijalankan, seseorang pelabur baru perlulah terlebih dahulu membuka akaun dengan pihak broker saham.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan pelaburan saham disamping mempunyai risiko, merupakan satu kegiatan yang menarik dan memberi pulangan yang menguntungkan. Sumber-sumber maklumat seperti surat khabar boleh menolong kita dalam memperolehi data-data syariaikat dan alam sekitar perniagaan umumnya. Data-data yang diperolehi perlu dikumpul dalam bentuk analisa untuk membolehkan kesimpulan mengenai sesuatu pelaburan dibuat. Walau bagaimanapun adalah mustahak iaitu sebagai pelabur atau bakal pelabur, kita mengetahui apa yang dibeli sebelum wang dilaburkan.

**“THE SUCCES OF INVESTING IN THE STOCK MARKET IS BUYING
THE RIGHT SHARE AT THE RIGHT TIME”.**

BIBLIOGRAFI

- 1) *Hendriksen S. Eldm, Accounting Theory, Richard D. Irwin. Inc. Homewood, Illinois 1982.*
- 2) *Siegel G. Joel Dr, How to Analyze Businesses, Financial Statements and the Quality of earnings, Prentice-Hall Inc. 1982.*
- 3) *Yeo Kang Un, Investment & You, Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., 1991.*
- 4) *Bursa Saham Kuala Lumpur, Pelaburan Dalam Pasaran Saham Malaysia, 1991.*

Bersabda Nabi Muhamad S.A.W.

"Bahawa sesungguhnya engkau berjalan pergi mempelajari suatu bab dari ilmu adalah lebih baik daripada engkau melakukan sholat seratus rakaat".

(Riwayat : Ibnu Abdul Birri dan Abi Dzar)